## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 27 JULAI 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | URBAN FARMING INITIATIVE RECEIVES GOOD RESPONSE, NEWS IN BRIEF, NST -11<br>URBAN FARMING PROGRAMME WELL-RECEIVED BY MALAYSIANS-KIANDEE, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -7 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14. | LESEN KELAS ZON A NELAYAN DIBUKA SEMULA, NASIONAL, BH -16<br>13 BOT NELAYAN ASING JADI TUKUN TIRUAN, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -27<br>KERAJAAN AKAN BUKA SEMULA PERMOHONAN LESEN NELAYAN PANTAI, NASIONAL, SH -13<br>MARITIM RAMPAS 240KG IKAN, NASIONAL, BH -17<br>FISH ESTATE LAUNCHED AT KELANTAN MOSQUE, NEWS IN BRIEF, NST -11<br>BOT LANGGAR SYARAT LESEN DITAHAN APMM, NEGARA, KOSMO -12<br>BOT HARAM JADI TUKUN TIRUAN, NEGARA, KOSMO -16<br>DETERRENT MOVE, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -5<br>BOT NELAYAN ASING JADI TUKUN TIRUAN, LOKAL, HM -8<br>13 ILLEGAL INVADED FISHING BOATS SUNK, NEWS, SIN CHEW DAILY (EAST COAST) -2<br>'13 CONFISCATED FOREIGN FISHING VESSELS SUNK AS OF JULY', HOME, BORNEO POST (KUCHING) -2<br>ZONE A FISHERMEN TO UNDERGO WHITENING PROCESS, HOME, BORNEO POST (KK) -6 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 15. | KADA PERLUAS KAWASAN JELAPANG PADI, NEGERI, HARAKAH -N11 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 16.<br>17.<br>18.<br>19.<br>20.<br>21.<br>22.<br>23.<br>24. | DURIAN RAJA KUNYIT ASAL TANAH MERAH, NEGERI, HARAKAH -N12<br>LEBIH RM150,000 BANTU PENTERNAK TERJEJAS, NEGERI, HARAKAH -N12<br>YOUNG SABAHAN'S MILKFISH FARM IMPRESSES SHAFIE, HOME, BORNEO POST (KK) -5<br>145 FISH FARMERS GET FISH FEED, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4a<br>DULU TERBIAR KINI SUBUR, LOKAL, HM -16<br>PERTANIAN JAMIN BEKALAN MAKANAN BERTERUSAN, KOMENTAR, BH -11<br>DURIAN MAS HIJAU SETANDING MUSANG KING, DALAM NEGERI, UM -10<br>BIG STINK OVER NEW DURIAN DEAL, NEWS/NATION, NST -8<br>RAUB FARMERS: HAVE DIALOGUE AMONG STAKEHOLDERS, NEWS/NATION, NST -8 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/7/2020 | NST | NEWS IN BRIEF | 11 |

# Urban farming initiative receives good response

**KUANTAN:** The Urban Farming Programme has been receiving encouraging response from those interested in growing short-term crops, said Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee yesterday. He said the encouraging response would strengthen bonds among urban community members. "I have received the applications. Several people had contacted my office asking about how to participate in the programme. This shows that it is really close to people's hearts. I hope those who are interested in it will submit their application before July 31 because the ministry has to distribute the allocation for the programme under the Penjana economic recovery plan within two years." **Bernama**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Urban farming programme well-received by Malaysians — Kiandee | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 27 Jul 2020 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 7 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 87 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 593 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,780 |



# Urban farming programme well-received by Malaysians — Kiandee

**KUANTAN:** The Urban Farming Programme (PPB) has received encouraging response from individuals and small groups who are interested to grow short-term crops, said Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

He said the encouraging response in gardening would also help strengthen the bond among members of the urban community.

"I have received applications personally and some of them contacted my office asking how to participate. This shows that the programme is really close to the people's heart. I hope those who are interested will submit their application before July 31 because the ministry has to distribute the allocation for urban farming programme under the National Economic Recovery Plan (Penjana) in two years period," he said at Kampung Padang Jaya urban farm here yesterday.

At the event, Kiandee also announced a RM50,000 allocation for the village community to help them continue with the programme.

A total of RM10 million has been allocated under Penjana for the implementation of the programme, which includes agriculture equipment assistance such as fertilisers and seeds. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/7/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 16 |

# Lesen kelas zon A nelayan dibuka semula

## Jabatan Perikanan diminta segera laksana proses pemutihan

Oleh Rosli Ilham
am@hmetro.com.my



*Ronald (tengah) bersama nelayan ketika mengadakan lawatan ke Kompleks Lembaga LKIM di Dungun, semalam.* (Foto Rosli Ilham/BH)

**Dungun:** Jabatan Perikanan akan membuka semula permohonan lesen kelas zon A yang dikhususkan kepada nelayan pantai dalam masa terdekat.

Menteri Pertanian Dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata lesen terbabit akan diberikan kepada nelayan yang benar-benar aktif dan Jabatan Perikanan diminta segera melaksanakan proses pemutihan.

Beliau berkata, pihaknya mendapati isu lesen berkenaan yang ditangguhkan sejak sekian lama perlu disegerakan kerana perkara itu boleh menyumbang risiko kepada nelayan apabila berlaku kemalangan.

"Kalau berlaku bencana atau kemalangan, nelayan yang tidak berlesen ini tidak akan mendapat sebarang faedah termasuk elaun sara hidup, minyak bersubsidi dan sebagainya.

"Dalam usaha itu, kita minta Jabatan Perikanan mengenal pasti nelayan yang berlesen sebelum ini sama ada mereka masih aktif atau sebaliknya," katanya ketika mengadakan lawatan Walkabout Bersama Nelayan di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Dungun, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim; Ketua Pengarah LKIM, Othman Abdul Latif dan Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Zawawi Ali.

Ronald berkata, kerajaan sebelum ini membekukan pengeluaran lesen itu termasuk zon B dan C kecuali zon C-2 iaitu laut dalam, bertujuan bagi memastikan setiap permohonan lesen baharu diberikan kepada mereka yang benar-benar layak.

"Kita akan mewujudkan satu pangkalan data nelayan zon A, termasuk pemutihan nelayan dan memberikan lesen baharu kepada nelayan aktif," katanya.

Semetara itu, Ronald berkata, projek pembinaan benteng pemecah ombak di muara Kuala Dungun akan segera dilaksanakan sebaik kajian reka bentuk selesai dilakukan.

"Reka bentuk sedang dilakukan Jabatan Pengairan dan Saliran JPS sebelum tender pembinaan projek itu dikeluarkan.

"Kita berterima kasih kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air yang meluluskan peruntukan sebanyak RM250 juta untuk tujuan pembinaan projek terbabit," katanya.

Katanya, peruntukan itu sudah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dan berharap projek pembinaannya segera dilaksanakan.

> *Kalau berlaku bencana atau kemalangan, nelayan yang tidak berlesen ini tidak akan mendapat sebarang faedah termasuk elaun sara hidup, minyak bersubsidi dan sebagainya.*
>
> **Dr Ronald Kiandee,** *Menteri Pertanian dan Industri Makanan*

"Kita sedia maklum Muara Kuala Dungun ini cetek bahaya buat nelayan dan apabila siap nanti ia akan memberi kelegaan kepada hampir 600 nelayan di sini," katanya.

Ronald berkata, pihaknya juga akan membaik pulih pelbagai kemudahan di Kompleks LKIM Dungun bagi kemudahan nelayan.

"Kita akan membina pelbagai kemudahan di sini seperti, kilang air batu, dewan lelong, jeti tambatan bot nelayan yang dianggarkan bernilai RM1.6 juta.

"Kita akan mendapat peruntukan untuk tujuan itu dengan segera dan pembinaan semua itu akan dilaksanakan secara berperingkat," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/7/2020 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI KELANTAN | 27 |

# 13 bot nelayan asing jadi tukun tiruan

## Pulihara sumber stok ikan selain menambah ekosistem hidupan laut

Oleh SITI FATIHAH AWANG

**KOTA BHARU**

Sebanyak 13 buah bot nelayan yang dilucut-kan hak dijadikan tukun tiruan sepanjang tahun ini bagi membantu menambah ekosistem hidupan laut.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, jumlah tersebut termasuklah dua bot jerut dan sebuah bot tunda yang ditenggelamkan di perairan Kuala Besar semalam.

"Tiga buah bot rampasan asing ini telah dilucut hak di bawah Akta Perikanan 1985 dan pelupusan bot sebagai tukun tiruan bagi pemuliharaan sumber stok ikan.

"Pelupusan bot dengan kaedah penenggelaman memberikan manfaat kepada para nelayan kerana ia akan menjadi habitat perikanan yang baharu sekali gus dapat menjana ekonomi nelayan itu sendiri," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan operasi penenggelaman tukun tersebut di perairan Kuala Besar di sini semalam.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Perikanan Kelantan, Nazri Ishak.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata, bot yang ditenggelamkan di kawasan lingkungan lima batu nautika daripada pesisir pantai bagi mengelakkan berlakunya pencerobohan pukat tunda.



Che Abdullah (tengah) membunyikan hon untuk memberi isyarat bermulanya operasi menenggelamkan tiga buah bot yang dijadikan tukun tiruan di perairan Kuala Besar semalam.

Malah katanya, kerajaan amat mengharapkan pelupusan bot-bot rampasan itu akan memberi amaran dan pengajaran kepada mana-mana bot asing yang cuba menceroboh perairan Malaysia.

"Pihak kami amat prihatin berkaitan isu pencerobohan bot nelayan asing ke perairan negara yang mengakibatkan ketirisan hasil laut yang dianggarkan bernilai RM6 bilion setahun.

"Oleh sebab itu, kami sentiasa komited melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan melibatkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) bagi membanteras pencerobohan terutamanya di perairan Pantai Timur Malaysia," katanya.

Ketika ditanya mengenai kadar denda yang dikenakan kepada penceroboh, Che Abdullah berkata, Rang Undang-Undang (RUU) Perikanan (Pindaan 2019) mendapat kelulusan di Parlimen bagi meningkatkan kadar denda.

"Ia melibatkan denda maksimum bagi nakhoda bot asing yang menceroboh perairan Malaysia dinaikkan daripada RM1 juta kepada RM6 juta selain penalti bagi tiap-tiap anggota krew juga dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM600,000," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/7/2020 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 13 |

# Kerajaan akan buka semula permohonan lesen nelayan pantai

**DUNGUN** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Jabatan Perikanan akan membuka semula permohonan lesen nelayan pantai (Zon A) bagi nelayan aktif dalam masa terdekat.



WAN YUSOFF

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, isu lesen memerlukan perhatian sewajarnya memandangkan nelayan sentiasa terdedah kepada risiko ketika di laut.

Menurutnya, nelayan tidak akan mendapat faedah atau bantuan jika berlaku bencana atau kemalangan serta bantuan elaun sara hidup nelayan, minyak bersubsidi dan manfaat lain sekiranya tidak mempunyai lesen.

"Dalam proses melesenkan nelayan ini nanti, pihak Jabatan Perikanan juga akan melihat kepada pemegang-pemegang lesen sedia ada yang bukan nelayan tulen.

"Kita akan mewujudkan satu pangkalan data nelayan Zon A, termasuk pemutihan nelayan dan memberikan lesen baharu kepada nelayan aktif," katanya ketika mengadakan lawatan Walkabout Bersama Nelayan di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Dungun semalam.

Turut hadir Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim dan Ketua Pengarah LKIM, Othman Abdul Latiff.

Kerajaan sebelum ini membekukan pengeluaran lesen meliputi kawasan Zon A, B dan C kecuali Zon C-2 iaitu laut dalam, bertujuan bagi memastikan setiap permohonan lesen baharu diberikan kepada mereka yang benar-benar layak.

Sementara itu, seorang nelayan di Dungun, Wan Yusoff Wan Mohamad, 52, melahirkan rasa kesyukuran di atas keprihatinan kerajaan yang sentiasa mendengar rintihan nelayan khususnya nelayan pantai.

Beliau yang juga Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Dungun berkata, nelayan sudah lama menantikan pengumuman pemberian lesen itu.

"Ramai nelayan pantai yang tidak mempunyai lesen kerana kerajaan sebelum ini membekukan sementara permohonan lesen. Di Dungun sahaja ada kira-kira 150 nelayan yang tidak berlesen.



Ronald (tengah) dan pegawai-pegawainya bersama wakil nelayan yang hadir pada program Walkabout Bersama Nelayan di LKIM Dungun semalam.

"Bila permohonan lesen dibuka semula, ia akan memberi sinar baharu kepada nelayan aktif yang benar-benar memerlukan lesen," katanya.

Seorang lagi ALP PNK Dungun, Fatimah Abdul Ghani, 65, yang juga isteri kepada nelayan pantai berkata, keprihatinan kerajaan mengenai masalah lesen merupakan rahmat yang tidak terhingga kepada keluarga nelayan.

"Saya mewakili isteri-isteri nelayan rasa sungguh terharu. Selama ini kami dengar rintihan suami yang tidak berlesen, yang bimbangkan nasib keluarga mereka.

"Jika berlaku malapetaka, keluarga tidak akan dapat apa-apa pampasan kalau nelayan tidak berlesen.

"Apabila ada lesen, memudahkan urusan untuk membuat tuntutan insurans, khairat kematian dan urusan Perkeso. Nelayan berlesen mendapat elaun sara hidup RM250 sebulan akan membuat pemotongan untuk insurans dan Perkeso," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 27/7/2020 | BRITA HARIAN | NASIONAL | 17 |

# Maritim rampas 240kg ikan

**Tanjung Malim:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Tanjung Manis merampas 240 kilogram (kg) ikan dari sebuah bot nelayan tempatan kerana didapati menunda ikan di kawasan tidak dibenarkan di sini, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Tanjung Manis, Komander Maritim Mohd Ariz Md Kassim, berkata bot itu ditahan pada sekitar 3.5 batu nautika barat laut Tanjung Manat, jam 11.30 pagi kelmarin.

Berikutan itu, katanya, empat kru termasuk tekong lelaki warga tempatan berusia antara 23 hingga 60 tahun, ditahan.

"Bot nelayan kelas B itu dikesan dalam keadaan mencurigakan, sebelum anggota kita menahannya.

"Kita turut merampas peralatan menangkap ikan, sebelum bot berkenaan dibawa ke Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tanjung Manis untuk siasatan lanjut.

"Semua mereka ditahan mengikut Seksyen 14(4)(b) Akta Perikanan 1985, iaitu melanggar syarat sah lesen," katanya dalam kenyataan, semalam.

Orang ramai boleh menghubungi Pusat Operasi Maritim Malaysia Sarawak di talian 082-432544 atau MERS 999 beroperasi 24 jam, jika ada kegiatan mencurigakan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 27/7/2020 | NST | NEWS IN BRIEF | 11 |



*Deputy Agriculture and Food Industries Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi (centre) releasing tilapia fry into a lake during the launch of Kelantan's first-ever fish estate at Masjid Ar-Rahman in Kota Baru on Saturday.* BERNAMA PIC

# Fish estate launched at Kelantan mosque

**KOTA BARU:** The state's Masjid Ar-Rahman floating mosque became more unique after Deputy Agriculture and Food Industries Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi launched Kelantan's first fish estate there on Saturday.

"The project is to boost the fisheries resources in the state and country," he said of the Fisheries Department-led initiative to ensure sustainable fish production.

During the launch, which was attended by Kelantan Fisheries Department director Nazri Ishak, Chempaka assemblyman Ahmad Fathan Mahmood and the mosque's imam, Hasan Mahmood, Che Abdullah released 20,000 tilapia and 10,000 barramundi fry into the lake.

He said that in eight to 12 months the fish estate on Pulau Gajah, managed by the mosque's committee, could produce 24 tonnes of fish worth RM336,000.

The 3.5ha estate will become an agro-tourism product with revenue channelled to the mosque's fund.

"Visitors will be provided with a RM2 packet of food pellets to feed the fish," said Che Abdullah.

"*InsyaAllah* (God willing), the launch of this fish estate will lead to more of them in the state.

"The department is identifying other sites." **Bernama**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/7/2020 | KOSMO | NEGARA | 12 |

# Bot langgar syarat lesen ditahan APMM

**KUCHING** – Padah melanggar syarat sah lesen menangkap ikan, empat lelaki bersama sebuah bot nelayan tempatan kelas B ditahan Maritim Malaysia (APMM) di Tanjung Manis, dekat sini kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 11.30 pagi, bot tersebut ditahan pada kedudukan kira-kira 6.5 kilometer dari barat laut Tanjung Manat, dekat sini.

Pengarah Zon Maritim Tanjung Manis, Komander Maritim Mohd. Ariz Md. Kassim berkata, bot dalam keadaan mencurigakan itu ditahan semasa pihaknya melaksanakan rutin rondaan harian.

"Hasil pemeriksaan mendapati bot nelayan tersebut telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 14 (4) (b) Akta Perikanan 1985 iaitu tidak mengusahakan sendiri bot nelayan tersebut untuk menangkap ikan.

"Kesemua empat kru termasuk tekong yang terdiri daripada lelaki warga tempatan berusia lingkungan 23 tahun hingga 60 tahun itu kemudiannya ditahan APMM," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, bot berkenaan bersama peralatan menangkap ikan, serta pelbagai hasil laut dengan anggaran berat 240 kilogram dibawa ke Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tanjung Manis untuk siasatan lanjut.

Mohd. Ariz menegaskan, pihaknya telah menerima aduan daripada nelayan-nelayan tradisional bahawa masih terdapat nelayan kelas B dan C yang menunda ikan di kawasan yang tidak dibenarkan.

"Pihak kami akan sentiasa mempertingkatkan pemantauan dan rondaan di kawasan laut.

"Tindakan tegas akan diambil ke atas bot-bot yang melanggar serta menyalahi syarat-syarat perlesenan di bawah Akta Perikanan 1985," katanya.

Tambahnya, jika terdapat sebarang aduan aktiviti jenayah serta kecemasan di laut, orang awam boleh menghubungi Pusat Operasi Maritim Malaysia Sarawak ditalian 082-432544 atau pun MERS 999 yang beroperasi 24 jam.



EMPAT lelaki ditahan APMM kerana menjalankan aktiviti menangkap ikan di kawasan tidak dibenarkan di Tanjung Manat kelmarin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/7/2020 | KOSMO | NEGARA | 16 |

Beri manfaat kepada nelayan tambah sumber ikan

# Bot haram jadi tukun tiruan

Oleh ROSLIZA MOHAMED



TIGA bot nelayan ditenggelamkan untuk dijadikan tukun tiruan di perairan Kuala Besar, Kota Bharu semalam.

**KOTA BHARU** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menerusi Jabatan Perikanan Kelantan menjadikan tiga bot haram milik nelayan asing yang dirampas sebagai tukun tiruan bagi memulihara sumber ikan di perairan negara ini.

Tiga bot termasuk jenis pukat tunda dan jerut ditenggelamkan sejauh kira-kira lima batu nautika dari persisir perairan Kuala Besar di sini dengan mengambil masa selama 45 minit.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, kaedah itu mampu memberi manfaat kepada para nelayan di negara ini.

"Langkah ini juga sebagai amaran dan memberi pengajaran kepada bot asing yang cuba menceroboh perairan negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena majlis Pelupusan Vesel Penangkapan Ikan Asing Yang Dilucutkan Hak Sebagai Tukun Tiruan Di Perairan Kota Bharu di sini semalam.

Turut hadir Pengarah Jabatan Perikanan Kelantan, Nazri Ishak.

Che Abdullah menambah, mengikut Rang Undang-Undang (RUU) Perikanan (Pindaan 2019), kerajaan telah mendapat kelulusan Parlimen bagi meningkatkan kadar denda dan mengekang pencerobohan nelayan asing di perairan negara.

Katanya, jika sabit kesalahan, denda maksimum bagi nakhoda bot warga asing yang menceroboh perairan Malaysia dinaikkan kepada RM6 juta berbanding RM1 juta.

Selain itu, penalti bagi tiap-tiap anggota kru juga dinaikkan kepada RM600,000 berbanding RM100,000.

Menurut Che Abdullah, kerajaan komited melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan melibatkan Maritim Malaysia dan Pasukan Polis Marin bagi membanteras pencerobohan bot-bot asing terutamanya di perairan Pantai Timur.

Beliau menjelaskan, sehingga kini, sebanyak 13 bot nelayan asing yang dilucutkan hak di bawah Akta Perikanan 1985 dijadikan tukun tiruan membabitkan perairan Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Tambah Che Abdullah, pihak kementerian sangat prihatin terhadap isu bekaitan pencerobohan bot nelayan asing yang mengakibatkan ketirisan hasil laut dianggarkan bernilai RM6 bilion setahun.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/7/2020 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 5 |



**DETERRENT MOVE ...** One of three detained illegal fishing boats yesterday being sunk near Kuala Besar in Kelantan by the Malaysian Maritime Enforcement Agency as a warning to foreign fishermen not to encroach Malaysian waters. The sunken boat will also act as an artificial reef. – ***BERNAMAPIX***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/7/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 8 |

# Bot nelayan asing jadi tukun tiruan



**SATU** daripada tiga bot nelayan asing yang dilucut hak oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) ditenggelamkan untuk dijadikan tukun tiruan pada Majlis Pelupusan Bot Rampasan Nelayan Asing Yang Menceroboh Ke Perairan Malaysia di Perairan Kuala Besar, Kota Bharu, semalam. Pelupusan bot melalui kaedah menenggelamkan dan dijadikan tukun tiruan adalah bagi menggalakkan lagi perkembangan biodiversiti marin yang mana akan memberi manfaat kepada seluruh kehidupan di laut.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 13 illegal invaded fishing boats sunk | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily (East Coast) | | |
| Date | 27 Jul 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 8,439 |
| Page No | 2 | Readership | 25,317 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 248 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 747 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,241 |



# 13非法入侵渔船击沉

## 成人工珊瑚礁吸引游客潜水

（哥打峇鲁26日讯）农业及食物工业部第二副部长拿督仄阿都拉指出，截至今年7月份，共有13艘非法入侵我国海域的外国渔船被击沉入海底，成为人工珊瑚礁。

他说，这项举动主要是警告及展示政府遏制及打击非法渔船闯入我国海域捕鱼活动的决心，维护我国海域的主权。

"非法外国渔船击沉后沉入海底，可作为人工珊瑚礁，有助海洋生态发展，也将吸引游客到该处潜水，促进海洋旅游。"

### 对拖网业伤害大

他今日在吉兰丹瓜拉勿沙与马来西亚渔业局，以及海事执法机构一起举行击沉非法渔船活动后，在新闻发布会上如此指出。

他说，这些非法入侵我国捕鱼的外国渔船，每年至少损失60亿令吉鱼产损失，对拖网业造成巨大的伤害。

"为了更严谨打击非法捕鱼活动，一旦发现非法入侵的渔船，该局将援引1985年渔业局法令扣押渔船。"

仄阿都拉指出，国会已通过修改法令，提高罚款以对非法入侵的渔船，一旦被定案每艘渔船将被罚款600万令吉，每名船员可被罚款60万令吉。





↑仄阿都拉（左）与吉兰丹渔业局局长纳兹里（右三）一起鸣笛，将扣押的渔船击沉到海底。

←非法入侵的渔船被击沉，警告非法入侵渔船勿随意入侵我国海域。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | `13 confiscated foreign fishing vessels sunk as of July` | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 27 Jul 2020 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 2 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 160 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,091 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 3,273 |



# '13 confiscated foreign fishing vessels sunk as of July'

**KOTA BHARU:** As of July this year, 13 foreign fishing boats have been disposed after they were seized for encroaching Malaysian waters, Deputy Agriculture and Food Industry Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said.

He said the seine boats and trawlers were sunk as a warning to foreign fishermen not to intrude into the country's waters and wantonly poach Malaysia's fish.

He said the boats were dumped into the sea to become artificial reefs which would in turn act as a nursery for fish fry and breeding ground for marine life.

"Encroachment by foreign fishing vessels is a major concern to the ministry as this has a negative impact on the Malaysian fishing industry and the economic losses is estimated to be worth RM6 billion a year.

"As such, the Agriculture and Food Industry Ministry (Mafi) through the Fisheries Department is committed to conducting an integrated operation in collaboration with the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) and the Marine Police Force (PPM) to stop intrusion of foreign boats, especially in the waters off the east coast," he

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | `13 confiscated foreign fishing vessels sunk as of July` | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 27 Jul 2020 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 2 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 160 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,091 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 3,273 |

told reporters after witnessing the sinking of three Vietnamese fishing boats off Kuala Besar here.

The three seized boats were disposed according to rights under the Fisheries Act 1985, he said.

Che Abdullah added that with the Fisheries (Amendment) Bill 2019 approved by Parliament, the maximum fine for a captain or owner of a foreign vessel caught trespassing into Malaysian waters has been increased to RM6 million from RM1 million while the penalty for every crew member too has risen from RM100,000 to RM600,000.

"The Malaysian government is committed to the fight against illegal, unregulated and unreported (IUU) fishing and through the establishment of IUU Main Committee and Working Committee at the national level, efforts to combat IUU fishing activities have been intensified.

"In addition the Regional Plan Of Action (RPOA-IUU) to promote responsible fishing practices has enhanced and strengthened the overall level of fisheries management especially in the Asean region," he said. — Bernama

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Zone A fishermen to undergo whitening process | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 27 Jul 2020 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 6 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 81 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 226 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 677 |



# Zone A fishermen to undergo whitening process

**DUNGUN:** The Agriculture and Food Industry Ministry (MAFI) will implement a nationwide whitening process on zone A (coastal category) fishermen to ensure that they are registered and have a valid licence.

Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the effort was to facilitate channeling of appropriate aid (such as subsistence allowances and other government subsidies) to the group.

"The process will be conducted soon... not only in Terengganu, because in other states too, most of the fishermen have not registered.

"Some of them do have a licence but they are no longer active, hence the need for the whitening process. Through this effort, we will be able to obtain a comprehensive database system, for zone A fishermen nationwide," he said after a visit to the Dungun Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) Complex here yesterday.

Meanwhile, State Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman Dr Azman Ibrahim said the whitening process would benefit almost 800 coastal fishermen in Terengganu.

"As the licence registration for coastal fishermen needs to be resolved immediately, a special committee has been set up to expedite the process," he said adding that applications for 800 fishermen have been submitted to the ministry. Dr Azman who is also the state assemblyman for Jabi said, with the licence registration, indirectly there would be an increase in fish landings at Terengganu registered jetties.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 27/7/2020 | HARAKAH | NEGERI | N11 |

# KADA perluas kawasan jelapang padi



Che Abdullah Mat Nawi melawat pintu kawalan air di Kampung Gong Kulim, Pasir Puteh.

**PASIR PUTEH:** Kawasan jelapang padi di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) akan dipertingkat kepada 43,951 hektar berbanding 26,833 hektar sekarang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, pengurangan keluasan tanaman padi disebabkan aktiviti pembangunan komersial dan perumahan di Kelantan.

Katanya KADA merancang memperluas kawasan seliaannya sehingga ke Machang, Rantau Panjang dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin-Semerak di Pasir Puteh.

"Pertambahan tiga kawasan baharu akan menggandakan kawasan jelapang padi di Kelantan," katanya selepas Majlis Ramah Mesra di Persatuan Peladang Kawasan (PPK) Cherang Rotan di sini Khamis lepas.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Adun Semerak Wan Hassan Wan Ibrahim, Pengerusi KADA Dato' Kamarudin Md Noor dan Pengurus Besar KADA Nik Roslan Idris.

Che Abdullah juga berkata, walaupun berlaku pengurangan sebanyak 4,000 hektar kawasan jelapang padi di Kelantan sejak 10 tahun lalu, namun hasil padi meningkat kepada 51,000 metrik tan.

Katanya peningkatan berlaku ekoran penggunaan teknologi moden dan projek Ladang Merdeka.

Sehingga sekarang KADA menyeliakan kawasan jelapang padi di Kota Bharu, Pasir Puteh, Pasir Mas, Tumpat dan Bachok membabitkan seramai 7,722 petani.

"Cabaran utama Kementerian Pertanian sekarang untuk meningkatkan pengeluaran bekalan makanan, namun berdepan kekangan kekurangan sumber yang terhad termasuk tanah pertanian," ujarnya.

Beliau juga berharap petani menggunakan teknologi moden serta mempelajari teknik penanaman pertanian moden bagi meningkatkan bekalan makanan negara.

– *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 27/7/2020 | HARAKAH | NEGERI | N12 |

# Lebih RM150,000 bantu penternak terjejas

**KOTA BHARU:** Sebanyak RM155,746 dibelanjakan kerajaan negeri bagi membantu petani dan penternak yang berdepan masalah pemasaran ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Jumlah itu sebahagian daripada RM200,000 disalurkan kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK).

Penternak ikan kelah di Kampung Lepan Jaya Gua Musang Mohd Shamsul Sapari berkata, beliau mengalami kerugian kira-kira RM300,000 ketika PKP.

Katanya sebanyak 500 induk ikan kelah mati ekoran terlalu padat dalam kolam kerana kekurangan bekalan oksigen.

"Keadaan itu berlaku kerana ikan yang sudah matang tidak dapat dipasarkan ekoran PKP, namun nasib baik kerajaan negeri membantu memasarkan melalui PKPNK," katanya ketika ditemui selepas menerima bantuan kerajaan negeri di sini baru-baru ini.

Beliau menerima bantuan pasca Covid-19 disampaikan anggota Exco kerajaan negeri Ustaz Mohd Tuan Saripudin Tuan Ismail.

Nasib serupa turut dihadapi Mohammad Rasnan Hassan yang menternak ikan siakap hybrid dalam sangkar di Laguna Semerak Pasir Puteh.

Katanya beliau mengalami kerugian lebih RM10,000 apabila 20,000 ikan peliharaannya mati kerana tidak dapat dipasarkan.



**Mohammad Rasnan Hassan.**

Pengerusi Persatuan Penternak Arnab Pedaging Kelantan (Apek), Mohd Isyraf Syarafu Baharom berkata, PKP turut memberi kesan kepada penternakan arnab.

"Ketika fasa PKP lambakan daging berlaku kerana hasil keluaran persatuan di Buloh Poh, Ketereh tidak dapat dipasarkan," ujarnya.

Kata beliau juga bagi menampung kerugian itu kerajaan negeri membeli stok karkas sebanyak 350 kilogram dari Apek dan 300 kg dari Persatuan Penternak Arnab Kelantan.

Timbalan Pengerusi Persatuan Usahawan Lebah Kelulut Darul Naim (Droness) Mohd Izzudin Mohamad berkata, PKP turut menjejaskan pasaran madu kelulut.

Kerajaan negeri memberi bantuan dengan membeli hasil keluaran Droness bernilai RM49,200 bagi meringankan bebanan ahli yang terjejas.



**Mohd Shamsul Sapari.**



**Isyraf Syarafi Baharom.**



**Mohd Izzudin Mohamad.**

masalah yang dihadapi sebelum ini sudah selesai," kata beliau baru-baru ini.

Mohd Zulkhairi Yunus, 29 dari Kampung Pak Keral pula mengucap terima kasih kepada kerajaan negeri dan AKSB kerana menukar paip air baharu di kampungnya.



**Paip baharu di Kampung Pengkalan Nangka.**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Young Sabahan`s milkfish farm impresses Shafie | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 27 Jul 2020 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 5 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 366 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,041 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,122 |



# Young Sabahan's milkfish farm impresses Shafie



From left: Susan and Jonathan showing Shafie (centre), Junz (second right) and others the packaging for the boneless milkfish produced by Champ Quality Seafood.



Harvesting process of the milkfish.

**KOTA KINABALU:** Chief Minister Datuk Seri Panglima Shafie Apdal and Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong had visited a milkfish farm operated by a young Sabahan, Jonathan Wong.

Jonathan, who is the director of Champ Quality Seafood, gave Shafie and Junz a tour of the aquaculture farm in Tuaran on Saturday where they observed the harvesting process and deboning room.

The downstream processing of the milkfish enables the company to produce export quality fish packages which have high demand in Indonesia, the Philippines and Dubai.

Junz lauded Jonathan for having the passion to venture into aquaculture industry in Sabah.

He said the boneless fish was highly demanded by countries such as Indonesia, the Philippines and Dubai.

"The aquaculture industry has great potential and the Chief Minister has asked me to look into ways to grow this industry and its downstream sectors so that more Sabahans could participate in milkfish farming.

"With more locals participating in the aquaculture sector, we will be able to meet the demand of the export markets and in turn enables Sabahans to generate higher incomes," he said.

Meanwhile, Jonathan thanked Shafie and Junz for taking time to visit the farm and supporting their work.

"We are grateful for the valuable insights given by the Chief Minister Datuk Seri Panglima Shafie Apdal and Datuk Junz Wong on our company's prospects and acknowledging the quality of our milkfish and products."

Also present was Jonathan's mother, Datuk Susan Wong Siew Guen.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 145 fish farmers get fish feed | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 27 Jul 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A4a | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 265 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,971 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,913 |



## 张展来：政府颁风灾援助

# 145养鱼业者获鱼饲料

（威南26日讯）利奇马台风在去年8月袭击高渊港口，造成海上养殖业者损失惨重，时隔将近一年，当地145户养鱼场终于盼来渔业部的利奇马风灾援助，受灾业者都可获得鱼饲料。

高渊港口海上养殖公会主席张展来受询时说，他是收到来自渔业局的电邮捎来这项好消息，邮件中列出了145户受惠名单。

他说，当局早前曾询问业者希望以何种形式提供援助，或可提供鱼饲料或鱼苗，经理事会商讨后，由于业者担心气候和水质问题影响，鱼苗难以存活，故希望当局以提供鱼饲料，协助减轻业者负担。

他表示，除了已获援助的145户业者，近期他也会收集当初没有提出申请的业者资料，以协助他们申请援助。

### 沈志勤：亏损2900万

前农业部副部长沈志勤later日在脸书发文表示，他是收到当地养殖业者通过Whatsapp对他表示感谢，得知这项好消息。

他说，2019年8月台风利奇马袭击槟城，高渊港口养殖业者遭遇惨重损失，145名业者蒙受2900万令吉亏损。

"高渊港口是马来西亚半岛最大渔业养殖场，当地的渔业养殖创造了高达15亿令吉价值，是我国半岛最成功的水产养殖领域。"

他说，鱼产养殖是困难且危险的行业，经过利奇马台风灾害后，许多业者还无法从中恢复。

他表示，当时曾两度前往高渊港口寻找解决方案，并提出3项建议，包括邀请银行代表与业者会面，讨论暂缓贷款，并协助业者重新贷款，以重建鱼场。其次，他也设法从灾难基金获得一笔拨款以协助这些业者，不过由于当时基金已用完，因此他曾力争取在2020年获得。

沈志勤也推荐现代高科技的海上先进箱网（HDPE）予业者，当时也宣布拨款10万令吉，供作试点计划。

### 张展来：风灾疫情夹击

高渊港口海上养殖公会主席张展来说，海上养殖业者去年经历风灾重挫，今年又遭受新冠肺炎疫情打击，整个行业复原速度非常缓慢。

他询日接受本报访问时透露，当地甚至有10家户业者在双重打击下面对重大亏损，只能将养殖场出售或转让。

他也说，当地现有的渔民码头已有38年历史，海上养殖业者一直都与渔民共用该码头，但如今已不敷应用，希望槟州政府能关注养殖业者需求，协助兴建一座专属码头。

"每天上午10时至下午1时，是渔民和捕鱼业者同时回到码头的繁忙时段，在共用码头期间，经常会发生如船只碰撞等的小意外，因此海上养殖业者极需一个码头。"

他表示，海上养殖业的发展前景看俏，是槟州政府应多加关注的领域。

他说，高渊港口因傍着吉辇河这条母亲河，不会面对"红潮"，在养殖业上拥有得天独厚的地理优势，可谓是全马最适合海上养殖基地，希望州政府能极力关注及发展该地区。

他表示，公会2年前也曾向槟州政府提出有关地契问题，不过至今也是没有下文，希望获得关注。#



风灾及新冠肺炎疫情，使高渊港口海上养殖业受重创。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 27/7/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |

# Dulu terbiar kini subur

***Lelaki dari Selangor ulang alik ke Melaka sejauh 200 kilometer sejak lima tahun lalu untuk tanam padi***



PADI ditanam dengan menggunakan kudrat di kawasan yang tidak boleh berjentera.

**Oleh Hassan Omar**
am@hmetro.com.my

**Alor Gajah**

Sanggup berulang alik sejauh kira-kira 200 kilometer (km) dari Sekinchan, Selangor ke Kampung Sungai Siput, Lubok Cina di sini, sejak lima tahun lalu untuk mengusahakan tanaman sawah padi.

Semangat kental itu ditunjukkan Abdul Aziz Abdullah, 45, yang berjaya menukar tanah terbiar seluas kira-kira 34.4 hektar milik anggota komuniti di kampung itu menjadi hamparan sawah padi sejak tiga tahun lalu.

Abdul Aziz berkata, dia terpaksa membelanjakan RM90,000 untuk membersihkan belukar yang memenuhi tanah terbiar itu pada tahun 2015.

"Seramai 42 pemilik tanah bersetuju menyewakan tanah kepada saya untuk diusahakan menjadi sawah sebelum usaha menanam padi yang dimulakan pada 2016.



ABDUL Aziz mengisi racun sebelum memulakan kerja menyembur.

"Bagaimanapun, saya tidak menghasilkan padi yang diproses menjadi beras, sebaliknya mengikat perjanjian dengan syarikat di Muar, Johor untuk menghasilkan padi yang diproses menjadi benih padi," katanya ketika ditemui di sawahnya di Kampung Sungai Siput, semalam.

Abdul Aziz menjelaskan, syarikat itu meminta beliau menanam padi jenis MR269 yang dihasilkan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

Katanya, melalui bantuan subsidi baja dan racun kerajaan, beliau mengusahakan penanaman padi dua kali setahun dengan memilih benih MR269 yang mampu mengeluarkan hasil dalam tempoh 100 hari.

Kerja penyediaan tapak penanaman selama dua bulan membabitkan kerja membajak, menjemur tanah dan putar kering sebanyak tiga kali sebelum menyalurkan air dari tali air disediakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ke petak sawah.



ABDUL Aziz menyembur racun bagi membunuh makhluk perosak di batas sawah dikosongkan.

"Selepas itu saya menjalankan proses sisir iaitu meratakan air supaya ia sekata dalam setiap petak sebelum menanam padi menggunakan jentera *transplanter* yang saya bawa dari Sekinchan.

"Bagi musim pertama penanaman pada 2016, saya memperoleh 150 tan padi dan ia meningkat kepada 160 tan pada tahun berikutnya hingga sekarang," katanya.

Abdul Aziz terpaksa menyewa jentera penuai dari Sekinchan untuk memastikan padi yang menguning mampu dituai dalam tempoh seminggu sebelum dibawa ke Muar.

Untuk penjualan padi yang diproses menjadi benih, beliau menerima pulangan RM1,400 setan berbanding RM1,200 setan jika diproses menjadi beras.

Bagaimanapun, beliau harus sentiasa memastikan tanamannya tidak dirosakkan oleh pelbagai makhluk perosak seperti siput gondang emas selain memastikan benih dihasilkan berkualiti untuk dijadikan pencetus tanaman.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 27/7/2020 | BERITA HARIAN | KOMENTAR | 11 |


# Pertanian jamin bekalan makanan berterusan

**Membesar** di kampung kecil di Kedah, bekalan sayur-sayuran asas untuk keperluan di rumah adalah dari tanah kecil mendiang nenek, K Nagamaa yang bekerja tiga hingga empat jam setiap hari tanpa jemu. Kami juga mempunyai jagung.

Kadangkala, hasilnya banyak dan beliau akan berjalan sejauh 5 hingga 6 kilometer untuk ke bandar terdekat dan menjualnya kepada sebuah restoran.

Ia terdapat dalam pelbagai bentuk dan saiz yang kadangkala tidak sempurna, tidak seperti sering kita dapati di pasar basah atau pasar raya, tetapi rasanya tetap enak, malah lebih baik.

Tiga dekad kemudian, sayur-sayuran ini tergolong dalam kategori 'tidak cantik' dan tidak akan sampai ke rantaian bekalan atau ke meja makan.

Ia amat mengejutkan apabila saya membaca satu artikel baru-baru ini di *vox.com*, memetik Jabatan Pertanian Amerika Syarikat (AS), yang menganggarkan satu pertiga daripada semua hasil petani tidak dimakan, berjumlah kira-kira AS$161.6 bilion (RM688.8 bilion).

Kebanyakan sisa ini mempunyai kaitan dengan isu logistik, tetapi sebahagiannya dibuang kerana alasan kosmetik.

'Hasil tidak cantik,' katanya, sering tidak menarik untuk dijual dan dibuang, sama ada kerana sebiji epal lebam atau kerana bentuk lobak itu terlalu aneh untuk dijual, menurut artikel oleh Chavie Lieber.

Mungkin 'diskriminasi' sama juga wujud di negara ini - sesuatu boleh diberi perhatian dan diambil kira.

Walaupun sektor pertanian dan kelestariannya penting dalam kehidupan seharian serta menyediakan pekerjaan kepada ribuan orang, ia kurang mendapat perhatian hingga krisis seperti COVID-19 melanda dan rantaian bekalan lumpuh. Bagaimanapun, topik itu hilang secara beransur-ansur apabila rak makanan diisi semula.

Jangan lupa kita berada di kemuncak pandemik di negara ini ketika petani di Cameron Highlands yang mengeksport lebih 40 peratus hasil mereka ke Singapura, Brunei dan Hong Kong, terpaksa membuang produk mereka berikutan kurang kejelasan dan aktiviti pengangkutan terhenti disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Cabaran dihadapi petani, kebergantungan kepada orang tengah berikutan kekurangan rantaian bekalan berkesan, kos baja dan keperluan untuk menarik generasi muda ke dalam industri menjadi topik hangat untuk dibincangkan.

Berapa banyak kerja dilakukan untuk membaiki keadaan terus menjadi persoalan.

Walaupun beberapa negara seperti Malaysia mempunyai banyak dan pelbagai bekalan pertanian, di tempat lain terdapat kekurangan berikutan data menunjukkan lebih 820 juta orang tidak mempunyai bekalan mencukupi - bukti kukuh kepada ketidakseimbangan.

Selain itu, sistem makanan mempunyai hadnya, gagal membekalkan makanan kepada dunia dengan baik, menurut artikel Mengapa Sistem Makanan Mampan Diperlukan Dalam Dunia Selepas COVID oleh Nicoletta Batini, James Lomax dan Divya Mehra dalam blog Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Artikel itu menyebut makanan dihasilkan melalui penggunaan bahan kimia berlebihan, dalam sistem tanaman monokultur dan penternakan haiwan secara intensif di darat serta laut merosakkan sumber semula jadi dengan lebih cepat daripada haiwan itu membiak dan menyebabkan satu perempat daripada semua pelepasan gas rumah hijau buatan manusia.




Membina semula ekonomi selepas krisis COVID-19 menawarkan peluang unik untuk mengubah sistem makanan global dan menjadikannya berdaya tahan untuk kejutan masa depan, memastikan pemakanan sihat dan mampan untuk semua, katanya.

Kita boleh bermula secara kecil dengan meningkatkan sebahagian keperluan harian kita dan membantu membaikinya, kemungkinan kekurangan dalam rantaian bekalan makanan dan impaknya kepada pelepasan gas rumah hijau.

Justeru, peristiwa 'kawasan tanaman kecilnya' nenek berusia 82 tahun, N Veeramah yang dimusnahkan Majlis Bandaraya Seremban (MBS) kerana menggunakan kawasan umum untuk menanam sayur-sayuran, tidak sepatutnya berlaku.

Catatan cucu perempuannya, Selvi Aldragen di Facebook pada awal bulan ini, yang dikesalkan ialah MBS dapat menunjukkan sedikit belas kasihan terhadap neneknya dan memberinya masa mencukupi untuk memindahkan sayur-sayuran itu ke pasu.

Sebaliknya, saya percaya MBS seharusnya menggalakkan beliau untuk melakukannya dengan lebih banyak dan menjadikannya sebagai contoh bagaimana pada usia sedemikian beliau masih bertani dan malah, dapat menjana wang ketika PKP.

Oleh itu, persoalan tetap ada - adakah kita memanfaatkan sebahagian besar tanah, teres dan balkoni?

---

***M Saraswathi adalah** Editor Perkhidmatan Berita Ekonomi BERNAMA*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/7/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 10 |



MOHD. Sabri Majid memegang sijil tempat pertama Pertandingan Durian Kampung Premium manakala ahli keluarganya menunjukkan beberapa jenis durian kampung termasuk Mas Hijau di bawah pokok durian tersebut di Kampung Damak di Jerantut, Pahang.

# Durian Mas Hijau setanding Musang King

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN
utusannews@mediamulia.com.my

**JERANTUT:** Seorang lelaki tidak menyangka gerak hatinya untuk menanam biji durian yang dimakannya 20 tahun lalu membawa tuah apabila menghasilkan pokok durian kampung premium terbaik di negeri ini.

Durian kampung premium dikenali sebagai Mas Hijau kerana isinya berwarna kuning keemasan manakala kulitnya berwarna hijau itu berjaya memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Durian Kampung Premium 2020 anjuran Jabatan Pertanian negeri baru-baru ini.

Mohd. Sabri Majid, 48, berkata, dia tidak menyangka durian ditanam di kebunnya di Batu 40 Kampung Damak menghasilkan buah berkualiti yang mempunyai rasa lemak manis dan sedikit pahit selain tekstur sangat halus.

"Durian ini saya tanam dari biji selepas saya rasa sedap makan buahnya kira-kira 20 tahun lalu. Ketika itu saya masih bujang dan saya tidak sangka pula akan menghasilkan buah yang begitu baik.

"Setiap tahun buah dari pokok ini yang saya jual dalam kategori durian kampung mendapat permintaan tinggi. Sesiapa yang pernah rasa pasti mahu mendapatkannya lagi," katanya ketika ditemui di kebunnya di sini semalam.

Mohd. Sabri berkata, dia tergerak hati membawa Mas Hijau ke pertandingan durian premium selepas dicadangkan dan dibantu bapa saudaranya, Mahmud Che Mamat, 54, seorang penjual durian dan pengusaha benih durian.



> "Setiap tahun buah daripada pokok ini yang saya jual dalam kategori durian kampung mendapat permintaan tinggi."
>
> MOHD. SABRI MAJID

Menurutnya, tahun ini, pokok durian Mas Hijau menghasilkan kira-kira 200 biji dengan hasil jualan kira-kira RM3,000 selepas dijual pada harga RM12 sekilogram.

Sementara itu, Mahmud berkata, durian Mas Hijau berpotensi dan setanding dengan durian klon lain termasuk Musang King kerana rasa dan tekstur isinya yang halus seperti aiskrim.

Katanya, jika buah durian lain akan berubah rasa dan mungkin rosak dalam tiga hari tetapi Mas Hijau masih mempunyai rasa asli malah kulitnya tidak akan merekah walaupun disimpan dua hari.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Pertanian negeri, Mohd. Nazri Abu Seman berkata, pemilihan Mas Hijau sebagai pemenang Pertandingan Durian Kampung Premium tahun ini dilakukan selepas melihat beberapa faktor termasuklah rasa yang meliputi kemanisan, berlemak dan sedikit pahit selain ketebalan serta warna isi.

Katanya, buah yang dikategorikan durian kampung premium itu juga mesti bebas daripada busuk, reput dan berpenyakit serta tidak rosak atau cacat akibat perubahan suhu tinggi dan bertangkai segar.

"Jabatan Pertanian negeri menggalakkan penanaman durian kampung premium di negeri ini termasuklah daripada jenis durian Mas Hijau," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 27/7/2020 | NST | NEWS / NATION | 8 |

ROYAL PAHANG DURIAN RESOURCES

# BIG STINK OVER NEW DURIAN DEAL

## Farmers not consulted over agreement to sell fruits exclusively to company



*Durian farmer Meng San Seng collecting a Musang King fruit from a net at his orchard in Raub, Pahang.* PIC BY FARIZUL HAFIZ AWANG

T. N. ALAGESH
**RAUB**
news@nst.com.my

MENTION Sungai Ruan near here and the first thing that would spring to mind is the famous Musang King — known for its sweet and creamy texture and bright, golden-yellow colour.

However, over the past few months, durian farmers in Sungai Ruan have been crying foul over a deal involving state authorities.

Musang King farmers who had been cultivating the trees for more than half a century, told the *New Straits Times* that the deal would see them sell their harvest to Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd from next year. The company is a joint venture between the Royal Pahang Durian Group and Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang.

Farmers are in the dark over the "deal" as no representative had spoken to them. They found out only after reading about it in newspapers.

Farmer Meng San Seng, who moved to Sungai Chalit in 1955, remembered clearing the land with his father to plant durian trees.

"Suddenly, we were informed that a new company would buy our fruits next year. I was told that we could sell the fruits to them if we agree to their deal, but I am not clear how farmers like me will benefit from this because everything is so uncertain," said the 65-year-old Meng.

He said farmers over the years sold their durians to wholesalers or to a factory in Sungai Ruan, but from next year onwards they would be required to sell the fruits to the new firm.

"No more selling by the roadside or at night markets, farmers can sell only to the company. We have to supply at least 2,000kg of Grade A Musang King. It would be tough to meet the demands as it depends on the orchard size.

"Even if farmers agree to the deal, which will take place next year, we will still have to pay money this year. We were also informed that we need to pay RM6,000 per acre."

Farmer Leong Meng Kok, 55, is unsure if the new deal would be a win-win solution for all, or end up undermining the durian quality. The father of one, who operates a 0.8ha piece of land in Sungai Chalit, switched to Musang King in 2000 due to its demand after previously planting the local variety and the D24.

"I am not sure if the decision to sell to a third party (new company) is going to benefit us, as it might put farmers under pressure to meet the harvest target and with prices determined beforehand. Farmers might have to invest more to produce Grade A fruits or else they would lose money. There will be no open market and we cannot strike deals with other suppliers."

Durian collection centre owner Wong Sai Keet, 37, said if the deal materialised, factories in Sungai Ruan and neighbouring areas would close.

"What will happen to the durian factories in Raub which have been exporting the fruits to China, Hong Kong and other parts of the world? There are a lot of questions that need answers and we hope the state government will assist as many people might lose their jobs."

Last week, Tras assemblyman Chow Yu Hui criticised the state government for disregarding durian farmers' livelihood by setting up Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd without consulting them.

He alleged that the state government formulated an unequal contract which would sideline local farmers and severely impact the durian industry, leading to a possible "Musang King crisis".

The state government had allegedly awarded Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd the lease and land use rights for 2,167ha in Raub, comprising Sungai Ruan, Sang Lee, Sungai Chetang, Tras, Tranum and Sungai Klau which involved some 1,000 farmers.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/7/2020 | NST | NEWS / NATION | 8 |



# Raub farmers: Have dialogue among stakeholders

**RAUB:** Durian farmers here want answers on a proposed joint venture which could largely decide the future of the country's most popular durian variety, the Musang King.

Sungai Klau special action committee chairman Wilson Chan said some durian farmers were called for a meeting with Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd representatives last year, but nothing materialised.

"The first meeting was in July, followed by the second meeting in August before the farmers decided to set up an action committee to look into the matter. We asked the company why no one from the state government or land office informed us of the decision (land legalisation).

"The company claimed that the land belonged to them and wanted us to sell the fruits to them but they could not produce any proof or land grant. All the farmers did not agree to the proposal as no one from the state government spoke to us about it and what our land status is if we agree to sign the deal," he said when met in Sungai Ruan.

Chan said since there was nothing in black and white, most of the farmers were sceptical about the deal or how it was going to be executed.

"Suddenly, last week we read in the newspapers that the state government has given farmers one month to sort out matters about the contract with Royal Pahang... who are we supposed to consult or register?"

He adds that a dialogue between the various stakeholders could shed light on the matter.

"Farmers are prepared to meet the state government or PKPP on the matter, but in this deal, a private company is set to gain. We need to clarify a lot of matters including who is going to be responsible for the losses if the export chain is affected... for example, by a sudden cut in demand from China."

Farmers are also mulling an injunction to prevent the land takeover by Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd. They also want the state government to extend the deadline.

Tras state assemblyman Chow Yu Hui said the initiatives would help safeguard the interest of the farmers, who are concerned that they might lose their livelihood once the new company takes over.

"We plan to meet Menteri Besar (Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail) to ask him to extend the deadline for the farmers. Then we plant to apply for an injunction to block the company from stepping in or taking over the land, and I will raise the issue in the next state assembly sitting."

Chow added that the farmers wanted to discuss with the state government and were willing to cooperate and listen to the state government, but not with a private company.